

01/08/2001

Ramai tidak setuju hadkan kuota Melayu

KUALA LUMPUR, Selasa - Pelbagai pihak mendesak kerajaan mengkaji semula cadangan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad, berkata kira-kira 90 peratus pelajar Melayu dan 50 peratus pelajar India mungkin tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA jika dasar itu dilaksanakan.

Beliau berkata, peratusan itu diperolehi berdasarkan mata paling rendah bagi pengambilan pelajar ke universiti mengikut bangsa melalui sistem kuota yang dilaksanakan sekarang.

"Berdasarkan data itu bermakna bukan saja pelajar Melayu akan tercicir dan ketinggalan, malah pelajar India juga. Ini akan mencetus keadaan yang sama seperti sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, semalam yang meminta kerajaan mempertimbangkan semula cadangan melaksanakan dasar berkenaan.

Hishammuddin dilaporkan berkata, dasar itu perlu dikaji dengan teliti kerana sistem kuota masih diperlukan, tambahan pula jurang perbezaan bagi peluang pendidikan antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera masih ketara.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar Bumiputera akan dilaksanakan, termasuk mengenakan dasar meritokrasi.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, langkah itu perlu bagi membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar Bumiputera yang mengecewakan, berbanding pelajar bukan Bumiputera.

Syed Anuar berkata, pelaksanaan dasar meritokrasi memerlukan kajian menyeluruh dari pelbagai aspek, termasuk perbezaan pencapaian dan kemudahan antara pelajar luar bandar dan bandar serta pendapatan keluarga pelajar.

"Kami menyifatkan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih sebagai cabaran dan peringatan kepada pelajar Melayu bahawa jika kemudahan yang disediakan untuk mereka tidak dimanfaatkan, lebih baik ia disalurkan kepada kumpulan yang lebih tahu menggunakannya," katanya.

Beliau juga berkata, sistem pendidikan tinggi negara masih belum bersedia dan ia memerlukan persiapan yang lebih sebelum dasar berkenaan dilaksanakan.

Sehubungan itu, katanya, GPMS akan mengadakan Konvensyen Pelajar Melayu yang antara lain bertujuan memberitahu masyarakat umum bahawa majoriti pelajar Melayu cemerlang dan menggunakan kemudahan yang diberikan kerajaan dengan baik.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Pelajar Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd Po'ad Jelani, pula berkata jurang perbezaan ekonomi antara kaum turut mempengaruhi perbezaan intelektual pelajar.

"Pelajar bukan Bumiputera yang kebanyakannya tinggal di bandar lebih terdedah kepada pelbagai kemudahan, berbanding pelajar Melayu yang majoritinya tinggal di luar bandar.

"Ini memungkinkan berlaku perbezaan intelektual antara mereka, sekali gus mempengaruhi tahap pembelajaran antara kaum," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, ketiadaan sistem kuota akan mewujudkan jurang perbezaan yang lebih jauh dari segi penguasaan ilmu di kalangan pelajar bumiputera.

"Seharusnya kerajaan mengkaji prestasi pelajar Bumiputera di IPTA, selain mengenal pasti masalah yang dihadapi. Pada masa sama, sistem pendidikan perlu diteliti bagi memastikan pelajar Bumiputera tidak terus ketinggalan.

Bagaimanapun, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie berkata, cadangan melaksanakan dasar itu membuktikan kerajaan benar-benar serius dalam memastikan hanya pelajar yang layak serta bersungguh-sungguh sahaja diberi peluang memasuki universiti.

"Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk menyediakan prasarana dan kemudahan di universiti dan jika pelajar yang diterima masuk tidak minat belajar maka ia akan merugikan kerajaan.

"Meritokrasi adalah langkah positif kerajaan untuk memastikan segala kemudahan yang disediakan digunakan oleh mereka yang berminat belajar," katanya.

Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia, Ezaruddin Abd Rahman turut bersetuju dengan pelaksanaan dasar meritokrasi dengan menyifatkan ia tindakan secara psikologi bagi meningkatkan pelajar Bumiputera belajar.

"Kami dapati ada sesetengah pelajar berpendapat mereka mempunyai kuota memasuki IPTA dan mereka tidak perlu risau mengenai itu dan boleh mengambil sambil lewa aspek pembelajaran," katanya.

Di ALOR STAR, Gerakan Profesional Melayu Malaysia (GPMM) menyokong cadangan kerajaan itu, tetapi meminta kerajaan menyediakan alternatif lain seperti menempatkan pelajar bumiputera yang tidak layak, dalam kursus kemahiran.

Presidennya, Zuraidi Rahim, berkata pertubuhan itu berpandangan bahawa kemampuan pelajar Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran terbahagi kepada dua iaitu kemampuan akademik dan kemampuan kemahiran.

Katanya, pelajar Bumiputera yang tidak berkemampuan dalam bidang akademik dan tidak layak memasuki IPTA seharusnya diberi peluang menimba ilmu dalam bidang kemahiran yang banyak diwujudkan oleh kerajaan menerusi pelbagai agensi.

Antara lain, beliau mencadangkan kerajaan menempatkan mereka di pelbagai institusi kemahiran, seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

(END)